

31/03/2004

Genta perkenal jam tangan baru

Fadzlena Jafar

KECANGGIHAN teknologi kini mencetuskan penghasilan satu demi satu jam tangan canggih yang berfungsi unik. Ada jam yang bukan saja sekadar menunjukkan masa bahkan ada pelbagai fungsi seperti barometer dan juga termometer.

Bagaimanapun, lazimnya, pujian hanya diberikan kepada jenama yang memasarkan produk itu sedangkan tiada siapa yang mengenali pencipta yang menghasilkan teknologi canggih sesuatu jam tangan itu.

Tumpuan yang lebih kepada penjenamaan ada kalanya menenggelamkan kehebatan pereka yang mencipta sesebuah jam tangan itu sehingga tidak siapa yang mengetahui orang yang bertanggungjawab menghasilkan kecanggihan teknologi jam tangan berkenaan.

Jenama jam tangan Gerald Charles mengambil pendekatan berbeza apabila ia diambil sempena nama ikon dalam dunia horologi, Gerald Charles Genta yang begitu sinonim sebagai pereka pelbagai jam tangan yang cantik dan kreatif.

Pelukis hebat dan juga pereka yang bijak ini, adalah pencipta pelbagai model jam tangan yang menempa sejarah dalam dunia pembuatan jam tangan lebih 30 tahun lalu.

Beliau bukan saja dikenali dengan rekaan yang unik dan tersendiri bahkan Genta ada pengikut setia yang menggemari rekaan eksklusifnya yang dianggap karya seni agung khususnya kerabat diraja dunia, pemimpin kerajaan dan juga selebriti terkenal.

Antaranya, beliau pernah menghasilkan rekaan eksklusif bagi Raja Fahad dari Arab Saudi, Shah Iran, Raja Thailand sempena Ulang Tahun Pemerintahan Ke-50nya, Ibu Ratu dari England, Sultan Hassan II dari Maghribi, Raja dan Ratu Sepanyol dan juga Raja Rainier III dari Monaco. Malah, Genta juga pernah menghasilkan rekaan bagi Sultan Selangor Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada hari perkahwinannya pada 1994, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Pertama, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Baru-baru ini, legenda dalam dunia rekaan jam tangan itu diterbangkan khas ke Kuala Lumpur sempena pratonton himpunan terbarunya untuk media Malaysia.

Serius dan tidak banyak bercakap, tetapi Genta begitu mesra dan mudah didekati. Memandangkan beliau tidak fasih berbahasa Inggeris, penerangan mengenai himpunan terbaru Gerald Charles hasil idea kreatif pencipta berusia 73 tahun itu dibentangkan oleh Pengurus Besar Gerald Charles, Giampaolo Ziviani.

Kata Ziviani, Genta sebenarnya lebih dikenali sebagai seorang pelukis yang hebat sebelum bakatnya sebagai pembuat jam tangan terserlah pada usia 27 tahun dan bermulalah zaman kegemilangan Genta sebagai antara pembuat jam tangan terhebat di dunia.

"Sejak berkecimpung dalam kerjaya yang melakar namanya dalam lipatan sejarah itu, Genta pernah menghasilkan beberapa himpunan hebat seperti Royal Oak bagi Audemars Piguet, Da Vinci dan Ingenieur bagi IWC, Nautilus bagi Patek Phillippe, Pasha bagi Cartier, Constellation bagi Omega, Bulgari-Bulgari bagi pembuat jam tangan Roman dan jam tangan khusus untuk kesukanan bagi Seiko yang dihasilkan secara terhad. Kehebatan Genta menyebabkan jam tangan Seiko itu habis dijual pada beberapa hari pertama sejak pelancarannya," katanya.

Kehebatan namanya dalam dunia pembuatan jam tangan menyebabkan ada yang mengatakan lebih 60 peratus jam tangan yang mendapat sambutan hangat di dunia adalah rekaan Genta.

Berikutan itu, pada 1969 Genta mengambil keputusan mewujudkan jenamanya sendiri dan bermulalah siri rekaan uniknya seperti Repetition Minutes dengan pergerakan automatik dalam bekas setebal 2.72 mm pada 1981 sehingga model bernilai berjuta dolar - Grande Sonnerie - pada 1994 yang dianggap jam tangan paling rumit di dunia ketika itu.

Walaupun beliau mempunyai 120 kakitangan yang bekerja di kilang Genta di Geneva, hanya beliau yang menghasilkan rekaan kreatif bagi model jam tangan melalui jenamanya. Sepanjang 20 tahun itu, Genta sudah menghasilkan lebih 100 buah jam tangan yang kebanyakannya mempunyai ciri khas yang unik.

Bagaimanapun, kata Ziviani, Genta akhirnya menjual perniagaannya kepada Asiatic Corporation yang kemudian dibeli Bulgari bagi menumpukan lebih kepada cinta pertamanya, seni lukis.